



Pendidikan Antara Tuntutan Falsafah dengan Profesion

Oleh Rahisam Ramli

Isu pendidikan terus menjadi perhatian utama dalam pembangunan insan. Islam menggalakkan usaha mencari ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang tanpa mengira masa, umur dan tempat. Secara eksplisit, ilmu disuburkan menerusi penyampaian guru. Tanpa guru, seseorang tidak berupaya untuk mendapatkan proses penyerapan ilmu apatah lagi untuk mengambil iktibar menerusi pendidikan dan mengamalkannya dalam kehidupan.

Peranan ilmu penting dalam konteks pengisian jiwa, pemikiran, dan keperibadian yang menumpukan aspek keilmuan sebagai tunjang kekuatan dan kemunduran sesebuah negara. Tidak hairanlah jika Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) turut menjadikan Indeks Pembangunan Insan (IPI) sebagai taraf pengukuran kualiti hidup bagi sesebuah negara.

Antara indeks yang diukur menerusi IPI termasuklah aspek pendidikan. Apabila penarafan IPI diambil kira, wujudlah jurang antara negara yang diberikan penarafan indeks. Namun begitu, apakah ukuran kuantitatif pembangunan insan dalam IPI untuk menjelaskan keadaan sebenar, sedangkan falsafah pendidikan secara komprehensif masih banyak yang belum diterokai? Umpamanya, indeks pendidikan yang ada hanya menumpukan bilangan murid semata-mata berbanding dengan hasil pengajaran yang perlu digarap ke dalam jiwa murid.

Masyarakat harus menyedari bahawa terdapat dimensi lain yang perlu difahami sedalam-dalamnya. IPI tidak mengukur secara syumul sebagaimana yang terkandung dalam falsafah pendidikan Islam. Konsep menuntut ilmu sepanjang hayat dianggap sebagai fardu dan jihad yang sangat tinggi ganjarannya di sisi Allah SWT. Bagi memenuhi

keadaan tersebut, maka sudah pasti kita memerlukan guru yang mahir dalam dunia pendidikan. Dalam erti kata lain, pendidikan bukan untuk diberikan penarafan, tetapi merupakan hak, tanggungjawab dan ibadat manusia.

Oleh hal yang demikian, dalam Rancangan Malaysia ke-10, kerajaan memberikan tumpuan sepenuhnya dalam membangunkan pendidikan negara selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang 2020. Lantaran itu, pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan, seperti menubuhkan sekolah berprestasi tinggi, memberikan biasiswa kepada pelajar cemerlang, dan menjemput pakar pendidikan yang bertujuan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti demi pembangunan negara.

Usaha kerajaan tersebut dilihat oleh banyak pihak selaras dengan tema sambutan Hari Guru 2012 "Guru Inovatif Melonjakkan Transformasi Pendidikan Negara" yang merujuk cabaran profesion pendidikan bertaraf dunia yang perlu dilalui warga pendidik di negara ini.

Inovatif diiktiraf sebagai daya usaha yang gigih untuk menerapkan proses pemikiran matang dalam kalangan generasi baharu. Harus diingat pendidikan bahawa sekolah atau institusi bukan kilang yang menghasilkan produk, tetapi membangunkan minda manusia melalui budaya, adat, cara berfikir dan perilaku.

Oleh hal yang demikian, profesion keguruan wajar merentas sempadan dan masa bagi memastikan negara mampu melahirkan generasi muda berkualiti yang mampu menggalas tugas dan berhadapan dengan cabaran yang getir pada masa hadapan.

Berdasarkan statistik Kementerian Pelajaran Malaysia, sebanyak 412 720 orang guru

sedang berkhidmat yang melibatkan sebanyak 10 019 buah sekolah di seluruh negara. Sementara itu, jumlah murid meliputi peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah mencecah 5.2 juta orang. Statistik

Inovatif diiktiraf sebagai daya usaha yang gigih untuk menerapkan proses pemikiran matang terhadap generasi baharu. Harus diingat bahawa sekolah atau institusi bukan kilang yang menghasilkan produk, tetapi membangunkan minda manusia melalui budaya, adat, cara berfikir dan perilaku.

tersebut menggambarkan bahawa institusi pendidikan dan profesion keguruan menjadi nadi ke arah pembentukan jati diri, pemikiran dan peradaban pewaris negara. Hal ini seiring dengan janji kerajaan dalam pembentukan Belanjawan 2012 yang lalu untuk menjamin bahawa setiap rakyat akan mendapat akses perkhidmatan pendidikan yang berkualiti dan berkemampuan.

Peranan Guru Melangkaui Zaman Guru berperanan sebagai agen membangunkan minda ummah, menjadikan bangsa Malaysia sebagai bangsa yang dihormati dan disegani serta membentuk sebuah negara maju. Dengan

komitmen dan kesungguhan yang tinggi, maka pastinya cabaran tersebut menuntut kecekapan guru yang bertanggungjawab memacu pertumbuhan modal insan negara bertaraf dunia.

Guru menjadi mangkin dalam memahami erti pembangunan yang hakiki, bukan sekadar mengambil definisi, iktibar dan falsafah pembangunan Barat semata-mata. Hal ini dikatakan demikian kerana adalah jelas tamadun dan budaya rakyat Malaysia berbeza daripada masyarakat di Barat.

Umum mengetahui bahawa guru menggalas tanggungjawab yang besar. Namun begitu, di sebalik tanggungjawab tersebut, guru tidak terlepas daripada pelbagai cabaran. Cabaran yang utama ialah murid. Memenuhi impian murid seumpama menunjukkan jalan kepada orang buta yang mengharap kita memimpinnya hingga boleh berdikari. Begitulah juga impian murid ditambah pula dengan harapan ibu bapa sendiri yang "menyerahkan" anak mereka kepada sekolah dengan harapan yang besar, iaitu anak mereka mendapat ilmu pengetahuan untuk bekalan pada masa hadapan.

Profesion keguruan terus berhadapan dengan cabaran selaras dengan pembangunan negara. Lantaran itu, usaha kerajaan mengadakan kajian semula sistem pendidikan dilihat tepat pada masanya. Usaha tersebut diyakini mampu menjadikan sistem pendidikan negara seiring dengan sistem pendidikan berdaya saing yang digunakan di negara maju.

Lantaran itu, guru perlu menyedari bahawa tanggungjawab yang mereka galas bukanlah mudah. Guru perlu bersedia dan berusaha dalam memastikan hasrat negara melahirkan lebih banyak modal insan berdaya saing pada masa hadapan mampu direalisasikan. **DM**